KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# KENYATAAN TAWARAN

## SEBUTHARGA PERKHIDMATAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK ASRAMA KE SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH BAGI TEMPOH KONTRAK MULAI 1 MEI 2017 HINGGA 30 APRIL 2019 (SEBUTHARGA SEMULA KALI KEDUA)

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang Bekalan / Perkhidmatan di bawah **Kepala** dan **Sub-Kepala 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah dan berkuatkuasa. Perlu diingatkan kod 080501 adalah tidak dibenarkan.**
2. Sebutharga ini adalah bagi asrama sekolah seperti jadual di bawah:

| BIL. | KOD SEBUTHARGA | NAMA SEKOLAH | DAERAH | BILANGAN PENGHUNI ASRAMA | TARIKH IKLAN DIPELAWA | HARGA BORANG SEBUTHARGA | TARIKH TUTUP IKLAN / TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUTHARGA / TEMPAT HANTAR DOKUMEN SEBUTHARGA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | JP(SB)300/UBKP/2017/SBTH-015 | SABK TUN SAKARAN | SEMPORNA | 30 ORANG | 30 MAC 2017 (KHAMIS) | PERCUMA | **Tarikh:** 6 APRIL 2017 (KHAMIS)<br>**Masa :** 12.00 tengahari<br>**Tempat :** Peti Tawaran, Unit Perolehan Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Aras 1, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Jalan Punai Tanah, Likas 88450 Kota Kinabalu,Sabah.<br>No. Tel : 088-537048/7040/7039<br>Faks : 088-310727 |

3. Semasa pengambilan dokumen sebutharga, penyebutharga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN / FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) bagi dokumen-dokumen berikut :

   a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan; dan

   b. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan.

   c. Sekiranya dokumen sebutharga diambil oleh wakil syarikat, surat kuasa / surat wakil yang ditandatangani oleh pemilik syarikat hendaklah diserahkan kepada pejabat ini. Sila bawa cop syarikat bersama semasa mengambil dokumen sebutharga.

   d. Setiap penyebutharga yang hendak memasuki sebutharga adalah **DIWAJIBKAN LAWATAN TAPAK.**
4. Setiap penyebutharga yang hendak memasuki sebutharga adalah **DIWAJIBKAN HADIR LAWATAN TAPAK**. Selaras dengan arahan Kerajaan , **1Pekeliling Perbendaharaan: PK 2/2013** , **Penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak MESTILAH terdiri daripada Pemilik / Ahli Lembaga Pengarah SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN pegawai selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat , Kementerian Kewangan Malaysia**. Sila bawa bersama Salinan Borang 49, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang DIAKUI SAH oleh SSM / Pesuruhjaya Sumpah bagi Lembaga Pengarah semasa menghadiri lawatan tapak.
5. **Tawaran Teknikal** dan **Tawaran Kewangan** hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. **Setiap sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal"** dan **"Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul. Kemudiannnya kedua-dua sampul** dimasukkan ke dalam satu sampul besar beralamat seperti yang dinyatakan di bawah.

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**NEGERI: *BERDASARKAN BORANG SEBUTHARGA***
**DAERAH: *BERDASARKAN BORANG SEBUTHARGA***
**NAMA SEKOLAH: *BERDASARKAN BORANG SEBUTHARGA***
**KOD SEBUTHARGA: *BERDASARKAN BORANG SEBUTHARGA***

**DIALAMATKAN KEPADA:**
**PENGARAH**
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH**
**SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN**
**UNIT PEROLEHAN**
**ARAS 1, WISMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH**
**JALAN PUNAI TANAH, LIKAS**
**88450 KOTA KINABALU SABAH,**
**MALAYSIA**

Tawaran sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebutharga selewat-lewatnya sebelum atau pada **6 April 2017 (Khamis)** tarikh tutup sebutharga **jam 12.00 tengahari.**

6. Tawaran sebutharga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
   a. Penyebutharga **LEWAT** mengemukakan tawaran sebutharga;
   b. Penyebutharga **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib dengan lengkap** seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Sebutharga;
   c. Penyebutharga **GAGAL** menghadiri **Lawatan Tapak**
7. Diantara **KRITERIA UTAMA** yang diberi pertimbangan adalah penyebutharga mempunyai keupayaan pembiayaan kewangan.
8. Iklan sebutharga ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah di alamat http://jpnsabah.moe.gov.my
9. **Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.**
10. Tempoh sah laku sebutharga 90 hari daripada tarikh tutup sebutharga.
11. *Keputusan sebutharga ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.*

..................................................................

**(DATUK HAJAH MAIMUNAH BINTI HAJI SUHAIBUL)**
**PENGARAH**
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH**

**Tarikh : 29 Mac 2017**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH UNIT PEROLEHAN SKPP